

Kerajaan Kerja Keras Pastikan Masalah Kos Kehidupan Rakyat Dapat Diuruskan Bernama

Ogos 10, 2011

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan bekerja keras untuk memastikan masalah rakyat mengenai kos kehidupan tinggi yang dihadapi mereka sekarang dapat diuruskan dalam keadaan global yang mencabar pada masa kini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melakukan yang terbaik dalam menangani kos-kos yang semakin meningkat dan mencari jalan untuk mengurangkan kesannya kepada rakyat.

Beliau berkata Bajet 2012 akan datang akan memberikan tumpuan kepada pengurusan kos kehidupan rakyat dan kerajaan akan merancang strategi terbaik untuk mengurangkan bebanan rakyat dan pada masa sama menguruskan perkembangan ekonomi negara.

Justeru, katanya, kerajaan telah mengumumkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ketujuh iaitu menangani kos sara hidup yang kian meningkat, tahun ini, setelah mengambil kira kenaikan harga makanan dan bahan-bahan keperluan yang berlaku di peringkat global.

"Dalam tempoh dua tahun, semenjak NKRA mula diumumkan, kos sara hidup di Malaysia telahpun meningkat, memberi kesan kepada majoriti daripada penduduk negara ini di pelbagai peringkat.

"Ramai yang mengalami kerumitannya tetapi kurang menyedari bahawa fenomena ini sedang dialami di seluruh dunia dan turut memberi pukulan yang agak teruk kepada negara-negara lain.

"Apa yang nyata, sudah begitu banyak faktor global yang telah mempengaruhi kos kehidupan kita selama ini, dan kesan yang paling teruk dirasai oleh negara miskin dan sedang membangun," katanya dalam blognya www.1malaysia.com.my di sini, hari ini.

Najib berkata inilah peranan yang akan dibawa oleh NKRA yang ketujuh dan terbaru iaitu kerajaan akan mencari jalan terbaik untuk memperbaiki rangkaian bekalan pertanian bagi memastikan kekurangan makanan, minimum sepanjang proses pengeluaran dan pembekalan.

Beliau berkata sistem kawalan harga juga akan diteruskan dengan pengurusan subsidi, yang kini sudahpun dikategorikan sebagai antara yang tertinggi di dunia.

"Kita akan memperluaskan lagi inisiatif-inisiatif yang berfokuskan rakyat seperti Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan yang terbaru, Menu Rakyat 1Malaysia yang menggalakkan pengusaha makanan supaya menawarkan pakej makanan dengan harga maksimum iaitu sebanyak RM2 untuk sarapan dan RM4 untuk makan tengah hari," katanya.

-- BERNAMA